



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Ramadan punca rezeki peniaga kecil

Dimensi

Oleh **AFIZAN AMER**

Penyarah Kanan Pemasaran Digital,
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi Mara,
Kampus Puncak Alam, Selangor



KETIBAAN bulan Ramadan sentiasa dinantikan pada setiap tahun. Selain memberi ruang kepada umat Islam untuk meningkatkan ketakwaan mereka kepada Allah, ia turut menjadi bonus kepada peniaga kecil dan individu yang baru menceburi bidang perniagaan.

Kemeriahan Ramadan jelas kelihatan di seluruh dunia apabila terdapat ramai peniaga yang berniaga terutamanya menjual juadah berbuka puasa seperti beraneka kuih-muih, lauk-pauk dan pelbagai jenis minuman serta makanan ringan.

Di setiap daerah atau taman-taman perumahan, orang ramai disajikan dengan pelbagai jenis juadah berbuka puasa menerusi bazar-bazar Ramadan yang beroperasi seawal pukul 4 petang.

Apa yang menariknya, ramai dalam kalangan peniaga-peniaga bazar Ramadan ini terdiri daripada golongan remaja.

Walaupun perniagaan ini dijalankan secara kecil-kecilan, semangat mereka untuk berdikari dan mencari rezeki seharusnya diberi pujian.

Ada juga dalam kalangan peniaga ini berniaga secara bermusim untuk mencari pendapatan tambahan bagi menampung perbelanjaan pada hari raya nanti.

Selain itu, ada yang melakukannya sekadar mengisi masa lapang dan mahu belajar berniaga.

Walau apapun matlamat mereka, sikap itu selayaknya disanjung tinggi kerana dalam

agama Islam sendiri pun, kita digalakkan mencari rezeki yang halal dengan berniaga. Hasil daripada pendapatan itu lebih baik daripada meminta-minta.

Kewujudan bazar-bazar pada bulan Ramadan ini memberi banyak kemudahan terutamanya bagi suami isteri yang bekerja dan orang bujang.

Hanya tunjuk itu dan ini, bungkus dan bawa balik serta tunggu waktu berbuka. Namun, jika membeli makanan semata-mata untuk mengisi perut sendiri, manfaatnya cuma untuk diri sendiri dan pahala pun sendiri-sendiri.

Budaya bazar Ramadan tidak pasti bila bermulanya dalam kalangan masyarakat kita. Pada zaman dahulu, tidak ada bazar Ramadan seperti hari ini.

Makanan yang disediakan untuk berbuka bagi sesebuah keluarga selalunya dimasak sendiri di rumah.

Bertukar hidangan

Kini, amalan tradisi masyarakat kita suatu ketika dahulu iaitu bertukar-tukar hidangan dengan jiran tetangga lenyap ditelan arus zaman.

Menu yang dimasak satu jenis sahaja tetapi apabila tiba waktu berbuka, ada berbelas jenis masakan di atas meja. Itulah kenikmatan yang terdapat pada bulan Ramadan. Selain dapat menikmati makanan, ia mampu menambah keakraban sesama jiran tetangga.

Budaya seperti ini semakin terhakis mengikut perubahan zaman. Sekarang, orang lebih suka berbelanja membeli juadah

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

berbuka puasa di bazar-bazar Ramadan yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Di negara ini, pihak kerajaan melalui agensi yang bertanggungjawab memberikan galakan dan bantuan agar budaya berniaga berkembang sihat serta lebih teratur.

Pihak berkuasa tempatan bertindak menyediakan tapak yang sesuai dan selesa untuk para peniaga kecil serta kemudahan para pengunjung.

Pihak kerajaan turut bermurah hati menyediakan kemudahan tempat berjaja dengan kadar sewa yang murah dan tidak membebankan peniaga.

Selain itu, ada juga agensi kerajaan yang menyediakan pinjaman mikro jangka pendek untuk para peniaga yang mengalami masalah kekurangan modal membuat pinjaman sempena bulan Ramadan ini.

Bagi memastikan kebajikan pelanggan terjaga, pihak berkuasa tempatan tidak pernah berkompromi dengan masalah kebersihan di kawasan perniagaan itu.

Jika diteliti dengan lebih dekat lagi, terdapat peningkatan jumlah bazar Ramadan dari tahun ke tahun, ia semakin bertambah dan memberi banyak pilihan kepada pengunjung untuk memenuhi cita rasa mereka.

Saban tahun, pengurusan bazar Ramadan semakin teratur, sekali gus memberi lebih kemudahan kepada pengunjung. Akibat daripada persaingan yang sengit inilah, peniaga perlu menjaga kualiti dan harga makanan yang ditawarkan kepada pembeli.

Setiap bazar Ramadan pasti ada keunikan yang tersendiri agar ia sentiasa menjadi tumpuan pengunjung setiap kali tibanya bulan yang mulia ini.

Ada sesetengah pengunjung suka membeli di bazar Ramadan yang biasa dikunjungi tetapi tidak kurang juga individu yang mencuba sesuatu lokasi baharu.

Keistimewaan bazar Ramadan selalunya terletak pada menu dan harga yang ditawarkan untuk memikat hati pelanggan.

Keikhlasan peniaga membantu memudahkan para Muslimin menjalani ibadah puasa seharusnya dihargai kerana sikap itu akan membantu melariskan jualan mereka.

Seiring dengan perkembangan pesat bazar Ramadan ini, rata-rata pembeli masih lagi berpuas hati dengan kualiti dan rasa makanan yang dijual.

Di sebalik kemurahan rezeki pada bulan yang mulia ini, peniaga bazar Ramadan diingatkan supaya tidak mengabaikan kebersihan.

Mengawal nafsu

Bazar Ramadan yang menarik dan bersih akan dikunjungi pembeli. Situasi itu memaksa para peniaga mengekalkan tahap kebersihan yang tinggi secara keseluruhan termasuk makanan yang dijual, pakaian dan kebersihan diri peniaga serta kawasan berniaga.

Dengan adanya komitmen yang berterusan dan rasa tanggungjawab, peniaga bukan sahaja dapat menambahkan rezeki tetapi mengekalkan alam sekitar yang bersih.

Sementara itu, pembeli pula harus pandai mengurus kewangan mereka, merancang apa yang perlu dibeli dan mengawal hawa nafsu sehingga berlaku pembaziran di bulan yang mulia ini.

Oleh itu, gunakanlah segala kebaikan itu untuk tujuan yang mulia, bukannya mengambil kesempatan daripadanya.

Hanya mereka yang benar-benar mengerti akan merasai manfaat Ramadan yang membawa sejuta rahsia ini.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

